



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/34 (HQ)

PROGRAM BERSAMA KOMUNITI PERINGKAT NEGERI KEDAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM65 juta pada Tahun Kewangan semasa (TK2014/2015), bagi membantu Kerajaan Negeri Kedah mempertingkatkan dan memperkukuhkan pelaburan di negeri tersebut.

Pengurus Besar Negeri (Kedah), Bahagian Pembahagian TNB, Encik Zubir bin Haji Hashim berkata, perbelanjaan tersebut adalah bagi menyediakan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang-pencawang dalam memastikan bekalan elektrik adalah sentiasa pada tahap berdaya harap yang tinggi di negeri ini.

“Sebanyak RM2 juta daripada jumlah tersebut diperuntukkan bagi memperkukuhkan sistem bekalan elektrik di Daerah Bandar Baharu. TNB sentiasa mengambil kira perancangan pembangunan oleh Kerajaan Negeri dan akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik para pelabur asing ke negeri ini,” kata Encik Zubir.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Baharu, YB Dato’ Norsabrina Binti Mohd Noor, Encik Hosnan bin Tembong mewakili Ketua Suruhanjaya Tenaga Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, Pegawai Daerah Bandar Baharu, YB Tuan Haji Mohd Asri Redha bin Abdul Rahman.

Di majlis tersebut, TNB turut menyampaikan sumbangan sebanyak enam (6) unit lampu jalan yang menggunakan tenaga solar di kawasan Daerah Bandar Baharu yang berjumlah RM20 ribu untuk kegunaan orang ramai.

Program Bersama Komuniti dahulunya dikenali sebagai Program Bersama Pemimpin Komuniti mula dilaksanakan pada tahun 2005. Ia menjadi platform kepada TNB untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi harian utiliti itu, selain forum untuk TNB turun padang bertemu para pengguna dan berdialog secara terbuka dengan matlamat memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada masyarakat.

Dikeluarkan di Serdang, Kedah, pada 22 Mac 2015

Sila ajukan sebarang pertanyaan media kepada YM Ku Abdul Razak (019-4463434) dan Siti Azlin Mohamed Jali (012-660 7512)